

JAWAPAN

PELAJARAN
15

Konsep Fardu Ain dan Fardu Kifayah

1. Fardu ain:

Perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam, berdasarkan sekiranya ditinggalkan.

Fardu kifayah:

Perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian umat Islam untuk menjaga kepentingan umat Islam, sekiranya tidak ada yang melaksanakannya maka semua anggota masyarakat mendapat dosa.

2. Contoh amalan fardu ain:

- (a) Solat fardu
- (b) Berpuasa dalam bulan Ramadan
- (c) Mengeluarkan zakat
- (d) Menutup aurat

Contoh amalan fardu kifayah:

- (a) Solat berjemaah
- (b) Pengurusan jenazah
- (c) Menguasai sesuatu bidang pekerjaan
- (d) Menghasilkan sesuatu barang untuk kegunaan masyarakat

3. Diri:

- (a) Membentuk keperibadian muslim yang sejati
- (b) Membudayakan amalan mulia dalam kehidupan
- (c) Berusaha menjadi individu kreatif dan inovatif

Masyarakat:

- (a) Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab
- (b) Mewujudkan masyarakat saling membantu antara satu sama lain
- (c) Keperluan hidup masyarakat Islam dapat dipenuhi

Negara:

- (a) Negara aman dan bebas daripada kejadian jenayah
- (b) Pentadbiran negara berjalan lancar kerana diurus dengan telus
- (c) Ekonomi negara berkembang dengan pesat kerana bebas daripada rasuah

4. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. D | 2. C | 3. D | 4. D | 5. A |
| 6. D | 7. C | | | |

Bahagian D

- 1. (a) (i) 1. Solat fardu
- 2. Menutup aurat

(ii) Mereka yang memahami akan konsep fardu kifayah akan saling melengkapi antara satu sama lain untuk memastikan amalan fardu kifayah itu boleh dilaksanakan secara bersama. Sebagai contoh, ketika adanya kematian disebuah kampung, penduduk kampung akan berusaha bersama-sama untuk membantu keluarga si mati menguruskan jenazah tanpa membiarkan keluarga si mati menguruskannya sendirian sahaja kerana menguruskan jenazah merupakan salah satu amalan fardu kifayah. Kesimpulannya, pemahaman seseorang terhadap konsep fardu kifayah akan melahirkan masyarakat yang saling membantu tanpa mengira waktu.

- (b) (i) Fardu ain
- (ii) Fardu ain
- (iii) Fardu kifayah
- (iv) Fardu kifayah
- (c) (i) ✓
- (ii) ✓
- (iii) X
- (d) (i) Negara akan aman dan bebas daripada kejadian jenayah.
- (ii) Ekonomi negara dapat dilaksanakan secara terancang dan bersepadu.
- (e) (i) mukalaf
- (ii) kolektif
- (iii) solat berjemaah

POWER KBAT

- 1. Akibat mengabaikan perkara fardu ain akan menyebabkan seseorang itu mudah terdorong melakukan kejahanan seperti mencuri. Hal ini menyebabkan maruah diri tercemar dan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh itu, kita hendaklah mengambil berat tentang perkara fardu ain supaya dapat mengamalkan cara hidup Islam dengan baik.
- 2. Orang yang mengabaikan fardu kifayah akan ketinggalan dalam semua bidang ilmu pengetahuan menyebabkan beliau akan dipinggirkan oleh masyarakat seterusnya mudah tertipu dan diperdayakan. Oleh itu, kita hendaklah istiqamah mempelajari ilmu fardu kifayah agar dikasihi Allah SWT dan Rasul-Nya.
- 3. Perkara fardu kifayah sering dianggap tidak penting dan sering menunding jari kepada orang lain untuk melaksanakannya bagi melepaskan diri. Sebagai contoh, kawasan perumahan menjadi kotor kerana tiada siapa yang bertindak membersihkannya. Hal ini akan menyebabkan umat Islam dipandang hina oleh masyarakat lain. Oleh itu, kita perlulah bersama-sama melaksanakan perkara fardu kifayah demi melahirkan masyarakat Islam yang hidup aman damai dan diberkati Allah.